



**Majlis Peguam
Bar Council Malaysia**

www.malaysianbar.org.my

Wisma Badan Peguam Malaysia
2 Leboh Pasar Besar
50050 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : +603-2050 2050
Fax : +603-2050 2019
Email : council@malaysianbar.org.my

Please scroll down to view the Bahasa Malaysia translation of this circular. In case of any inconsistency between the English and Bahasa Malaysia versions of the circular, the English version shall prevail.

Sila lihat di bawah untuk terjemahan pekeling ini dalam Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat butiran yang tidak konsisten antara versi pekeling Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris hendaklah terpakai.

**Circular No 359/2021
Dated 8 September 2021**

To Members of the Malaysian Bar and pupils in chambers

Extraordinary General Meeting of the Malaysian Bar (25 September 2021)

Notice is hereby given that, pursuant to section 65(1) of the Legal Profession Act 1976 (“LPA”), the Bar Council will convene an Extraordinary General Meeting (“EGM”) of the Malaysian Bar, which will be held as follows:

Date: 25 September 2021 (Saturday)
Time: 10:00 am
Venue: The **online** EGM will be **conducted virtually** from the Bar Council Board Room, Level 4, Wisma Badan Peguam Malaysia, 2 Leboh Pasar Besar, 50050 Kuala Lumpur

Agenda

- (1) To discuss matters pertaining to, and if deemed fit, to pass one or more motions with regard to, the provision of legal research products to Members of the Malaysian Bar and pupils in chambers to enhance the provision of legal services and improve the quality of legal research, pursuant to the objects and powers of the Malaysian Bar under section 42(1) of the LPA; and
- (2) Any other matters.

The motion(s) will be circulated to Members in due course.

In light of the potential risks to public health and safety posed by the COVID-19 pandemic, as well as potential restrictions imposed by the Government that may prohibit or impede the conduct of a physical EGM, the Bar Council has decided that the EGM will be **held online and conducted virtually through live streaming and online remote voting via a Remote Participation and Voting (“RPV”) platform.**

A circular providing details regarding how to register for, and attend, the virtual EGM will be issued soon.

We take this opportunity to remind Members that under section 65(5) of the LPA, if any Member of the Malaysian Bar desires to propose any motion to be considered at the EGM, the Member shall, “not less than seven days before the date of the meeting serve upon the Secretary of the Malaysian Bar notice of such motion in writing”. Please submit a **soft copy of the motion (in Microsoft Word format)** by email to motions@malaysianbar.org.my.

In accordance with section 65(4A) and 65(4B) of the LPA, the quorum shall be 500 Members of the Malaysian Bar. The EGM shall be dissolved if a quorum is not present by 11:00 am.

We would like to draw your attention to sections 44 and 46(5) of the LPA, which read as follows (emphases added):

Section 44 All members who are not in arrears with their subscription under section 46 shall be eligible—

- (a) **to attend and vote at any general meeting;**
- (b) subject to section 46A, to be elected to the Bar Council; and
- (c) to vote on the election of members to the Bar Council.

Section 46(5) Liability to pay any annual subscription to the Malaysian Bar shall arise when the subscription has been fixed by the Bar Council. All annual subscriptions to the Malaysian Bar shall be paid by the **30th day of June of each year.**

Under the Continuing Professional Development (“CPD”) Scheme, you will earn one CPD point for attending the EGM.

Members are urged to make every effort to attend the EGM so that the issues on the agenda may be effectively discussed by as many Members as possible.

We look forward to your attendance (**virtually**) and participation at the online EGM on 25 September 2021 (Saturday).

Thank you.

Shahareen Begum
Secretary
Malaysian Bar



Majlis Peguam Bar Council Malaysia

www.malaysianbar.org.my

Wisma Badan Peguam Malaysia
2 Leboh Pasar Besar
50050 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : +603-2050 2050
Fax : +603-2050 2019
Email : council@malaysianbar.org.my

Sila lihat di bawah untuk terjemahan pekeling ini dalam Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat butiran yang tidak konsisten antara versi pekeling Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris hendaklah terpakai.

Pekeling Nombor 359/2021 Bertarikh 8 September 2021

Kepada Ahli Badan Peguam Malaysia dan pelatih dalam kamar

Mesyuarat Agung Luar Biasa Badan Peguam Malaysia (25 September 2021)

Dengan ini dimaklumkan bahawa, menurut kepada seksyen 65(1) Akta Profesion Undang-Undang 1976 ("APUU"), Majlis Peguam akan memanggil suatu Mesyuarat Agung Luar Biasa ("MALB") Badan Peguam Malaysia yang akan diadakan seperti pada ketetapan yang berikut:

Tarikh: 25 September 2021 (Sabtu)
Masa: 10:00 pagi
Tempat: MALB **dalam talian** akan dikendalikan **secara maya** dari Bilik Persidangan Majlis Peguam, Tingkat 4, Wisma Badan Peguam Malaysia, 2 Leboh Pasar Besar, 50050 Kuala Lumpur

Agenda

- (1) Untuk membincangkan perkara-perkara yang berhubung dengan, dan sekiranya disifatkan patut, untuk meluluskan satu atau lebih usul-usul berkenaan dengan, peruntukan produk-produk penyelidikan undang-undang kepada Ahli Badan Peguam Malaysia dan pelatih dalam kamar untuk mempertingkatkan peruntukan perkhidmatan undang-undang dan menambah baik kualiti penyelidikan undang-undang, menurut kepada tujuan dan kuasa Badan Peguam Malaysia di bawah seksyen 42(1) APUU; dan
- (2) Apa-apa perkara lain.

Usul-usul akan diedarkan kepada Ahli apabila tiba masanya.

Berdasarkan kepada kemungkinan risiko kepada kesihatan dan keselamatan umum akibat daripada pandemik COVID-19, dan juga sekatan yang mungkin akan dikenakan oleh Kerajaan yang akan melarang atau menghalang MALB diadakan secara fizikal, Majlis Peguam telah membuat keputusan bahawa MALB akan **diadakan dalam talian dan dikendalikan secara maya** melalui siaran penstriman langsung (*live streaming*) dan undian atas talian (*remote voting*) menerusi saluran Penyertaan dan Pengundian Jarak Jauh (*Remote Participation and Voting, "RPV"*).

Pekeling yang memberikan butiran mengenai bagaimana untuk mendaftar dan menghadiri MALB secara maya akan dikeluarkan tidak lama lagi.

Kami mengambil kesempatan ini untuk memperingatkan Ahli mengenai peruntukan di bawah seksyen 65(5) APUU bahawa sekiranya mana-mana Ahli Badan Peguam Malaysia berhasrat untuk mencadangkan sesuatu usul untuk dipertimbangkan dalam MALB tersebut, Ahli tersebut hendaklah, “tidak kurang daripada tujuh hari sebelum tarikh mesyuarat itu menyampaikan notis usul itu secara bertulis kepada Setiausaha Badan Peguam Malaysia”. Sila hantarkan satu salinan usul tersebut **dalam format Microsoft Word (soft copy)** melalui emel di motions@malaysianbar.org.my.

Menurut seksyen 65(4A) dan 65(4B) APUU, kuorum mesyuarat ialah 500 orang Ahli Badan Peguam Malaysia. MALB hendaklah dibubarkan jika tidak ada cukup kuorum pada jam 11:00 pagi.

Kami ingin menarik perhatian Ahli kepada seksyen 44 dan 46(5) APUU, yang berbunyi seperti berikut (penekanan ditambah):

Seksyen 44 Semua ahli yang tidak terhutang yuran di bawah seksyen 46 layak—

- (a) **menghadiri dan mengundi dalam mana-mana mesyuarat agung;**
- (b) tertakluk kepada seksyen 46A, dipilih menjadi ahli Majlis Peguam; dan
- (c) mengundi dalam pemilihan ahli untuk menjadi ahli Majlis Peguam.

Seksyen 46(5) Tanggungan untuk membayar apa-apa yuran tahunan kepada Badan Peguam Malaysia bermula apabila yuran telah ditetapkan oleh Majlis Peguam. Semua yuran tahunan kepada Badan Peguam Malaysia hendaklah dibayar pada atau sebelum **30 Jun setiap tahun.**

Di bawah Skim Pembangunan Profesional Berterusan (*Continuing Professional Development*, “CPD”), anda akan mendapat satu mata CPD bagi kehadiran di MALB.

Ahli digesa untuk berusaha sedaya upaya menghadiri MALB agar isu-isu yang terdapat di dalam agenda boleh dibincangkan dengan berkesan oleh seberapa ramai Ahli yang mungkin.

Kami berharap anda akan hadir (**secara maya**) dan menyertai MALB dalam talian pada 25 September 2021 (Sabtu).

Terima kasih.

Shahareen Begum
Setiausaha
Badan Peguam Malaysia